

## SEJARAH PENTADBIRAN JABATAN PERDANA MENTERI

DARI TAHUN 1987 hingga TAHUN 1996

1987	<p>Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan mengambilalih fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan apabila dimansuhkan pada tahun 1987.</p> <p>Dengan pembubaran Kementerian Wilayah Persekutuan, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan diletak di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri.</p>
1989	<p>Cawangan Istiadat dinaik taraf menjadi Bahagian Istiadat yang diketuai oleh seorang Setiausaha Bahagian yang bertanggungjawab kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Rasmi Kerajaan.</p>
21 Nov 1989	<p>Berdasarkan keputusan Kabinet pada 21 November 1989, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) telah diwujudkan semula pada 1 Januari 1990 dan diletakkan di bawah JPM.</p> <p>Sebelum ini, SUPS yang telah ditubuhkan pada 16 September 1963 yang dikenali sebagai Urusetia Persekutuan telah dimansuhkan pada tahun 1982.</p>
1 Mei 1990	<p>Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah telah ditubuhkan pada tahun 1963 dan diperluaskan bidang tugas dan peranan pejabat ini pada tahun 1965. Namun begitu, pada bulan Mac tahun 1982, pejabat ini dimansuhkan. Pada 1 Mei 1990, pejabat ini ditubuhkan semula berdasarkan Pekeliling Am Bilangan 4 tahun 1990 serentak dengan pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.</p>
Januari 1992	<p>Mahkamah Syariah W.P. yang sebelum ini diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam WP, KL di bawah Kementerian Kemajuan Wilayah Persekutuan dijadikan sebagai satu bahagian di bawah JPM.</p>

<p>18 Feb. 1992</p>	<p>Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan pada 18 Februari 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Tujuannya untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.</p> <p>Dirasmikan pada 3 Julai 1992 oleh YA. Bhg Tun Dr Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Malaysia.</p>
<p>Disember 1993</p>	<p>Berdasarkan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 1993, penubuhan Institut Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dipersetujui untuk melaksanakan latihan formal dan berterusan kepada Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta kakitangan khidmat sokongan yang terlibat dalam proses keadilan. ILKAP mula beroperasi pada Disember 1993 dan diletakkan di bawah JPM.</p>
<p>8 Mei 1995</p>	<p>Pada 8 Mei 1995, Kementerian Undang-Undang dimansuhkan dan diwujudkan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri yang terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman (BBG), Jabatan Pemegang Harta (JPH) dan Jabatan Pemegang Amanah Raya &amp; Pentadbir Pusaka (JP&amp;PP).</p> <p>Pada 1 Ogos 1995, JP&amp;PP dikorporatkan sebagai Amanah Raya Berhad (ARB). Manakala pada 1 Julai 1996, PKPMP diasingkan daripada BHEUU. Selepas Ogos 1996 hingga 15 April 2003, BHEUU mentadbir dua buah Jabatan di bawahnya iaitu BBG dan JPH di samping mengawal selia ARB. Pada 1 Oktober 2003, JPH telah ditukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) selaras dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967.</p> <p>Pada 16 April 2003 Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah (UPPM) di PKPMP telah diletakkan di bawah pentadbiran BHEUU. Pada 8 April 2004, BHEUU menjadi urus setia bagi membantu Y.A.B Timbalan Perdana Menteri menjalankan pengawasan ke atas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).</p>

1 Januari 1996	Bahagian Istiadat dicantumkan dengan Unit Urusetia Persidangan Antarabangsa dan dikenali sebagai Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa.
-------------------	---